



KAMUS UNDANG-UNDANG



International Law Book Services



20/11/2020

KAMUS UNDANG-UNDANG

Disusun oleh:
Lembaga Penyelidikan Undang-Undang

PUSTAKA PERDANA



1012553

International Law Book Services

WISMA ILBS,

No. 10, Jalan PJU 8/5G,
Bandar Damansara Perdana,

47820 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-7774121/77274122/77273890/77288849

Faks: 03-77273884

E-mel: gbc@pc.jaring.my

Laman web: www.malaysialawbooks.com



002820

Pengedar Tunggal

GOLDEN BOOKS CENTRE SDN. BHD., [T-142884]
WISMA ILBS, No. 10, Jalan PJU 8/5G,
Bandar Damansara Perdana,
47820 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03-77273890/77283890/77274121/77274122
Faks: 03-77273884
E-mel: gbc@pc.jaring.my
Laman Web: www.goldenbookscentre.com

Cetakan Pertama: 2008

Cetakan Semula: 2009, 2012

© International Law Book Services

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbit semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa cara, elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada International Law Book Services.

Anggota Persatuan Penerbit Buku Malaysia

Nombor Ahli: 8505

Kod: RP2-KUU-10-120301

Dicetak oleh:

SS Graphic Printers (M) Sdn. Bhd., [252774-K],
No. 7 & 8, Jalan TIB 3, Taman Industri Bolton,
68100 Batu Caves, Selangor D.E.

ISBN: 978-967-89-1858-9

Walaupun setiap usaha telah dibuat untuk menyemak ketepatan penerbitan ini, International Law Book Services tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kesilapan jika ada.

Nota Penerbit

Kamus Undang-Undang ini diterbitkan oleh syarikat International Law Book Services (**ILBS**) adalah bertujuan untuk memenuhi permintaan pengguna masa kini khususnya para pelajar undang-undang yang menuntut di institusi pengajian tinggi di Malaysia.

Adalah menjadi kelaziman, penerbitan **Kamus Undang-Undang** ini menggunakan istilah bahasa Inggeris dan bahasa Latin yang sering digunakan di mahkamah. Ia direka bentuk dan disusun mengikut urutan abjad yang mana sesuatu istilah itu dihuraikan di dalam bahasa Malaysia. Ini bertujuan untuk memudahkan para pelajar undang-undang, pengamal undang-undang, jabatan guaman dan lain-lain, memahami akan maksud sesuatu istilah undang-undang dan menggunakannya dengan cara yang efektif. Akan tetapi, kita sedia maklum, walaupun semua prosiding di mahkamah diselaraskan dalam bahasa Malaysia, namun penggunaan istilah di dalam bahasa Inggeris dan bahasa Latin, masih lagi digunakan di dalam mahkamah di Malaysia.

Maka tidak diragui lagi, penerbitan **Kamus Undang-Undang** ini akan dapat memberi manfaat besar kepada para pelajar undang-undang, pengamal undang-undang, jabatan guaman dan lain-lain yang terlibat secara langsung di dalam profesion dan pendidikan undang-undang di Malaysia. Begitu juga kepada mereka yang berminat untuk mendalami istilah undang-undang ini, boleh menjadikan kamus ini sebagai sumber rujukan mereka di masa akan datang. **Kamus Undang-Undang** ini adalah yang pertama kali diterbitkan oleh pihak kami di Malaysia.

Petaling Jaya
15 Januari 2008

HJ. DR. SYED IBRAHIM BIN MOHD ISMAIL
Penerbit



“A” List: Senarai “A”. Senarai ahli semasa sesebuah syarikat yang disediakan oleh penyelesaian dalam proses penggulangan yang mana merupakan ahli-ahli yang bertanggung untuk menyumbang kepada aset-aset syarikat. *libat* CONTRIBUTORY.

a verbis legis non est recedendum est: (daripada perkataan undang-undang tidak seharusnya terdapat apa-apa penyimpangan). Suatu rukun yang harus dipakai dalam pentafsiran Akta-Akta Parlimen di mana perkataan-perkataan statut tersebut dan bukannya tujuan Perundangan itu sendiri menjadi panduan utama bagi Mahkamah.

a vinculo matrimonii: daripada ikatan perkahwinan. Suatu dekri untuk pembubaran perkahwinan, dahulunya ia diperintahkan oleh mahkamah eklesiasitik. *libat* DIVORCE.

A.R. Anno regni: Dalam tahun pemerintahan.

ab antiquo: Dari zaman dahulu kala.

ab initio: ab initio (dari awal).

abandonment: peninggalan. (i) Menyerahkan atau melepaskan hak dan tidak menuntunya semula. (ii) Peninggalan seorang kanak-kanak ertinya menyerahkannya kepada takdir. (iii) Suatu tuntutan dianggap sebagai ditinggalkan apabila suatu notis pemberhentian disampaikan. (iv)

Pengambil insurans boleh meninggalkan perkara kepada penanggung insurans dan menganggap kerugian sebagai kerugian sepenuhnya dalam kes kerugian konstruktif sepenuhnya dalam insurans marin, selepas memberikan notis peninggalan.

abatement: Pemberhentian, pengurangan, penurunan. (i) Pemberhentian pengganggu merujuk kepada penyingkirannya. (ii) Pengurangan hutang merujuk kepada kadar pengurangan pembayaran di mana sesuatu tabung tidak dapat menampung sesuatu tuntutan.

abet: subahat. Menggalakkan atau membantu dalam melakukan suatu kesalahan apabila seseorang itu hadir secara konstruktif atau aktif.

abridgement: Ringkasan menyeluruh kefahaman atau karya undang-undang.

absolute discharge: pelepasan mutlak. Sekiranya seseorang itu disabitkan dengan kesalahan dan selepas percabangan, Mahkamah dapati tidak terdapat sebab untuk menjatuhkan hukuman disebabkan keadaan tertentu, pesalah boleh diberi pelepasan mutlak.

absolute interest: kepentingan mutlak.

absolute title: hak milik mutlak. Dalam hal hak milik pegangan bebas, pemilik berdaftar mempunyai hak milik yang dijamin

bergantung kepada, misalnya, catatan dalam buku daftar. Dalam hal hak milik pajakan, hak milik mutlak memberi jaminan bahawa pemilik berdaftar adalah pemilik pajakan itu dan ia telah diberi dengan sah.

abundans cautela non-nocet:

Berwaspada secara berlebihan tidak membawa apa-apa padah.

abuse of distress: penyalahgunaan distress. Penggunaan haiwan atau harta benda yang telah disita. Ini menjadikan orang yang menyita bertanggungjawab di bawah konversi atas penyalahgunaannya.

abuttals: persempadanan. Menandakan tanah, bagi menunjukkan milikan kepada mana-mana tanah yang lain, lebuhraya atau tempat-tempat lain, atau bersempadankannya.

acceptor: penerima. Seseorang yang menerima bil pertukaran.
lihat BILL OF EXCHANGE.

accident insurance: insurans kemalangan. Insurans yang memberi faedah jumlah wang yang tetap dalam keadaan seseorang mengalami kecederaan diri atau maut akibat kemalangan.

accommodation land: tanah kediaman. Tanah yang telah dibeli oleh seseorang pemaju atau spekulator yang mendirikan rumah atasnya dan kemudiannya menyewakan bahagian-bahagiannya dengan sewaan yang lebih rendah.

accommodation works: kerja tempat kediaman. Kerja-kerja seperti mendirikan pagar, jambatan dan lain-lain, yang mana

Jabatan Keretapi harus lakukan dan selenggarakan bagi penginapan pemilik-pemilik dan penghuni-penghuni tanah yang bersempadankan landasan keretapi.

accord and satisfaction: persetujuan dan penyelesaian.

Berlaku apabila, selepas tamat sesuatu kontrak, satu pihak mendapat pelepasan daripada kewajibannya dengan berjanji atau memberi balasan lain daripada apa yang pihak yang satu lagi itu mesti menerima di bawah kontrak tersebut.

accrue: akru. Bertambah, seperti mana faedah terakru kepada jumlah pokok. Ianya juga bermaksud untuk membangkitkan, contohnya apabila suatu kausa tindakan dikatakan telah terakru kepada plaintif dalam tempoh enam tahun.

acknowledgement of rights to production of documents: pengakuan terima hak memperoleh dokumen. Jika seseorang penjual mengekalkan mana-mana bahagian hartanah kepada mana hak milik itu mempunyai kaitan, dia berhak untuk mengekalkannya dan akan memberi kepada pembeli suatu pengakuan hak kepada pengeluaran dan kepada salinan-salinan suratikatan hak milik, dan suatu akujanji untuk simpanan selamat. Jika keseluruhan tanah itu dilupuskan kepada dua atau lebih pembeli yang berasingan, pembeli bahagian terbesar akan mengambil suratikatan dan memberi suatu pengakuan hak dan akujanji tersebut.

acquittal: pembebasan. Dibeaskan daripada hukuman selepas keputusan tidak bersalah diberikan atau apabila rayuan dibuat terhadap hukuman, berjaya.

acquisitive prescription: preskripsi akuisitif. Preskripsi di mana sesuatu hak diperolehi. Kadangkala dipanggil preskripsi positif. *lihat* PRESCRIPTION.

Act of God: bencana alam. Suatu keadaan yang luar biasa yang tidak dapat dijangka dengan lebih awal. Misalnya, gempa bumi atau banjir.

Act of Parliament: Akta Parlimen. Undang-undang yang digubal oleh Parlimen.

acta exteriora indicant interiora secreta: Niat boleh disimpulkan dari perbuatan atau tindakan seseorang.

action in rem: tindakan in rem. Tindakan yang diambil oleh seseorang terhadap sekumpulan orang lain tanpa bertindak terhadap seseorang yang tertentu.

actual total loss: jumlah kerugian sebenar. Suatu terma dalam insurans laut yang menerangkan keadaan di mana hal perkara musnah ataupun rosak sehingga tidak lagi merupakan jenis hal perkara yang diinsuranskan, atau di mana yang diinsuranskan itu terlucuthaknya dengan cara yang tidak boleh dipulihkan. Dalam keadaan kerugian sepenuhnya, notis peninggalan tidak perlu diberikan.

ad idem: Mempunyai pemikiran yang sama.

ad litem: Seseorang penjaga *ad litem* boleh dilantik oleh

mahkamah untuk mewakili kepentingan seorang kanak-kanak dalam perbicaraan tertentu.

ad medium filum aquae: Ke bahagian tengah sungai.

ad medium filum viae: Ke bahagian tengah jalan.

ad vitam aut culpam: (untuk sepanjang hayat atau sehingga perangai buruk) *lihat* **quamdiu se bene gesserit.**

adaption: penyesuaian. Dalam kerja-kerja drama atau kesusasteraan, ini bermaksud, (i) pengubahan kerja tidak dramatik kepada suatu yang dramatik, atau sebaliknya; (ii) suatu terjemahan kerja tersebut; (iii) pengubahan kerja tersebut ke dalam bentuk gambar; atau (iv) berhubung dengan kerja-kerja muzik, suatu penyusunan atau transkripsi kerja-kerja tersebut.

ademption of loss: adempsi kerugian. Suatu terma yang digunakan dalam insurans laut untuk menerangkan kaedah bahawa jika, dalam jangka masa antara waktu notis peninggalan dan waktu bilamana prosiding undang-undang dimulakan, tidak terdapat perubahan keadaan yang mengurangkan kerugian sama ada sepenuhnya atau separa, atau, dalam erti kata yang lain, jika pada waktu tindakan diambil keadaannya adalah sedemikian rupa, maka satu notis peninggalan adalah tidak wajar, pengambil insurans hanya boleh menuntut semula kerugian separa.

adjourned summons: saman yang ditangguhkan. Saman yang dikeluarkan oleh mana-

mana mahkamah yang ditangguhkan untuk pembicaraan lanjut.

administrative law: undang-undang pentadbiran. Cabang undang-undang yang berkaitan dengan organisasi, kuasa dan kewajipan autoriti pentadbiran.

administrator: pentadbir. Seorang kepada siapa kuasa pentadbiran diberikan.

administratrix: pentadbir wanita. Seorang yang telah diberikan surat kuasa pentadbiran untuk menguruskan harta orang lain.

admission: pengakuan. Dalam kes sivil, fakta-fakta yang diakui oleh pihak-pihak kepada tuntutan. Sekiranya defendan membuat pengakuan, penuntut mempunyai hak untuk mencatat penghakiman kecuali di mana defendan adalah kanak-kanak atau pesakit. Dalam kes jenayah, kenyataan yang dibuat dengan sukarela oleh tertuduh yang berlawanan atau bertentangan dengan kesnya. Misalnya, mengakui kesalahan, mengaku bersalah atau pengakuan bersalah.

admonition: teguran. Teguran kehakiman kepada seseorang tertuduh setelah dibebaskan daripada pendakwaan yang selanjutnya.

adoption: pengangkatan, penerimapaakaian. (i) Menerima pakai undang-undang antarabangsa ke dalam undang-undang munisipal. (ii) Mengambil seorang kanak-kanak sebagai anak angkat.

adultery: perzinaan. Suatu perbuatan seksual rela hati di antara dua orang yang tiada ikatan

perkahwinan, tetapi masing-masing memegang status isteri dan suami kepada pasangan lain.

advance corporation tax: cukai pentadbiran awalan. Cukai awalan yang kena dibayar oleh syarikat.

advice, letter of: surat nasihat. Suatu pemberitahuan oleh seseorang kepada orang yang lain berhubungan dengan urusan perniagaan dalam mana mereka sama-sama terlibat.

advice: nasihat. Nasihat bertulis atau lisan mengenai pemakaian undang-undang kepada mana-mana keadaan khusus yang telah timbul berhubungan dengan orang yang cuba mendapatkan nasihat itu dan berkaitan dengan langkah-langkah yang dia mungkin akan ambil dengan sewajarnya.

advocate & solicitor: peguambela dan peguamcara.

aerodrome: lapangan terbang. Mana-mana kawasan tanah atau perairan yang direka, dilengkapi, dengan sendirinya atau lazimnya digunakan untuk memberi kemudahan bagi pendaratan dan pelepasan kapal terbang termasuk mana-mana kawasan atau ruang yang telah direka, dilengkapi atau dengan sendirinya untuk memberi kemudahan untuk pendaratan dan pelepasan kapal terbang yang boleh turun atau naik secara menegak.

affirmative, the: mengiakan (bertentangan dengan negatif atau menidakkan). Beberapa fakta positif atau keadaan yang dikatakan wujud atau telah wujud,

dan yang mana secara amnya haruslah dibuktikan, menurut kaedah undang-undang “bahawa sesiapa yang mengiakan isu itu mestilah membuktikannya” (“*the affirmative of the issue must be proved*”). *lihat* RIGHT TO BEGIN.

aforethought: rancangan terdahulu. Suatu perkataan yang digunakan untuk mentakrifkan rancangan terdahulu yang selalunya membezakan pembunuhan dari kematian orang. Tempoh masa yang difikirkan bagi rancangan ini adalah tidak penting.

agent: ejen, wakil. Seseorang yang dilantik untuk mewakili seorang yang lain dalam sesuatu transaksi.

agent by necessity: ejen oleh keperluan. Seseorang yang menyandarkan kredit orang yang lain bilamana terdapatnya sebab-sebab penting yang menjadikannya perlu untuk melakukan sedemikian.

agent, air cargo: ejen, kargo udara. *lihat* AIR CARGO AGENT.

agent, sea cargo: ejen, kargo laut. *lihat* SEA CARGO AGENT.

aggravated assault: serangan teruk. Suatu serangan yang mewajarkan hukuman yang lebih berat daripada hukuman untuk serangan biasa kerana kecederaan serius terhadap tubuh; atau serangan dengan niat untuk melawan atau menentang penahanan.

aggravated vehicle taking: Memandu sesebuah kenderaan yang digerakkan secara mekanikal dengan cara yang berbahaya di jalan awam setelah ianya diambil

dengan cara yang tak sah di sisi undang-undang, dan sebelum ianya didapatkan semula, menyebabkan satu kemalangan yang mengakibatkan kecederaan kepada mana-mana orang atau harta.

aggravation: Atau matter of aggravation, adalah perkara yang diperkenalkan ke dalam sesuatu pliding dengan tujuan menambahkan jumlah ganti rugi, tetapi yang mana tidak menjejaskan hak tindakan itu sendiri.

AGM: Mesyuarat Agung Tahunan. *lihat* ANNUAL GENERAL MEETING.

agreement to sell: perjanjian untuk menjual. Suatu kontrak jualan di mana pemindahan hak dalam barangan akan berlaku pada suatu masa yang akan datang atau tertakluk kepada beberapa syarat yang harus disempurnakan kelak.

agricultural buildings: bangunan pertanian. Bangunan (selain dari bangunan penginapan) yang diduduki bersama dengan tanah pertanian atau merupakan atau membentuk sebahagian dari taman pertanian, dan dalam mana-mana keadaan pun, digunakan semata-mata berkaitan dengan operasi pertanian di atasnya.

aid and abet: membantu dan bersubahat. Membantu seseorang melakukan jenayah.

air: udara. Penikmatan udara yang bersih dan bebas adalah merupakan suatu hak semula jadi, dan gangguan terhadap hak yang sedemikian boleh didakwa kecuali gangguan yang sedemikian adalah oleh sebab ismen.

air cargo agent: ejen kargo udara. Seorang ejen yang menjalankan perniagaan mengendalikan kargo yang mana hendak di-hantar-serahkan kepada pengendali mana-mana kapal terbang untuk pengangkutan dari mana-mana lapangan terbang kecil oleh sebuah kapal terbang awam.

airway: laluan udara. Suatu laluan untuk kemasukan udara ke dalam lombong.

alcohol concentration: kepehatian alkohol. Ukuran alkohol dalam nafas, darah atau air kencing seseorang. Ia merupakan suatu kesalahan jika seseorang memandu atau mengendalikan sesebuah kenderaan bilamana ukuran alkohol melebihi had yang ditetapkan.

alienation: memberi milik. Kuasa untuk menjual atau memindah-milik sesuatu kepentingan atas tanah.

aliud est celare: Membisu tidak menyamai penyembunyian.

aliud tacere: Serupa dengan *aliud est celare*. (qv)

aliunde: (dari sumber yang lain, dari tempat yang lain, dalam cara yang lain). Oleh itu, apabila sesuatu kes tidak dibuat menurut cara yang dijangkakan, ia boleh dibuktikan aliunde, iaitu melalui keterangan yang lain dan berbeza.

allonge: Keratan kertas yang dilampirkan kepada Bil Pertukaran, di atas mana-mana pengendorsan tertulis dan di mana tidak terdapat ruang untuknya atas Bil itu sendiri.

allotment: untukan. (i) Pembahagian tanah yang telah diserahkan melalui pecah sempadan atau di bawah suatu lampiran award. (ii) Penguntukan kepada pemohon secara resolusi oleh pengarah-pengarah syarikat, jumlah tertentu saham sesebuah syarikat.

alluvion: Tanah yang diperolehi dari laut melalui hanyutan pasir dan tanah, sehingga pada suatu masa menjadikan terra firma.

alumnus: Seorang pelajar lama sesuatu sekolah, kolej atau universiti.

ambulatoria est voluntas defuncti usque ad vitae supremum exitum: Wasiat seseorang yang telah mati boleh dibatalkan sehingga saat-saat akhir hayatnya.

amicus curiae: rakan mahkamah. Seseorang yang tidak terlibat dalam sesuatu kes, tetapi membawa sesuatu perkara yang terlepas daripada perhatian mahkamah kepada perhatian mahkamah.

amnesty: pengampunan, amnesti. Langkah kerajaan untuk menghapuskan kesalahan lampau yang tertentu daripada peringatan undang-undang. Biasanya diberi kepada orang atau kumpulan yang terlibat dalam, misalnya, kesalahan-kesalahan berunsur politik.

amortisation: peluasan. Penebusan stok oleh dana terikat.

anatomical specimen: Spesimen anatomikal bermakna

(a) mayat yang digunakan untuk pemeriksaan anatomi; atau

(b) mayat yang disediakan untuk digunakan bagi pemeriksaan

anatomi (termasuk bahagian-bahagian lain mayat yang sedemikian).

annual general meeting: *libat* MEETINGS, COMPANY.

annuity: *anuiti*. Jumlah tahunan yang kena dibayar.

appeal: *rayuan*. Pindahan sesuatu kes daripada tribunal atau mahkamah yang rendah kepada yang lebih tinggi dalam hierarki dengan harapan untuk meminda atau memansuhkan keputusan tribunal atau mahkamah rendah tersebut. Misalnya, seorang pesalah dihukum penjara selama 10 tahun di Mahkamah Rendah. Dia boleh membuat rayuan ke Mahkamah Tinggi untuk mengu-rangkan hukumannya atau untuk memansuhkan hukuman tersebut.

appellant: *perayu*. Orang yang membuat rayuan.

appointed day: *hari yang di-tetapkan*. Hari yang ditetapkan untuk menguatkuasakan Akta Parlimen atau sebahagian daripadanya.

appraisal: *penilaian*.

appropriation: *pengasingan* – Menjadikan sesuatu benda harta seseorang; mengasingkan barang atau wang.

appropriator: Seseorang yang berhak kepada keuntungan-keuntungan harta yang dimiliki oleh si mati mengikut syarat yang dibenarkan bagi memenuhi sesuatu legasi.

approve: *meluluskan*. Memper-tingkatkan; khususnya berhubung dengan tanah.

arbitration: *timbangtara*. Penyelesaian pertikaian, contohnya

pertikaian komersial, oleh seorang atau lebih yang dikenali sebagai ‘penimbangtara’. Keputusan penimbangtara dikenali sebagai “award”.

articles of association: *perkara-perkara persatuan*. Suatu dokumen yang mengawal atau melaraskan urusan dalam sesuatu syarikat, dan ia mengandungi peraturan-peraturan yang mengawal hak-hak dan tanggungjawab ahli-ahlinya dan penjalanan atau pengurusan perniagaan syarikat itu seperti pelantikan pengarah dsb.

articled clerk: *kerani artikel*. Seseorang yang terikat oleh artikel-artikel perjanjian untuk memberi khidmat kepada seorang peguamcara yang sedang meng-amalkan amalannya, sebelum beliau sendiri didaftarkan sebagai seorang peguamcara. Tempoh perkhidmatan di bawah artikel-artikel tersebut adalah, pada amnya, lima tahun; tetapi dalam beberapa keadaan ianya hanya empat atau tiga tahun.

as against: *seperti terhadap*. Suatu ungkapan yang menunjukkan pengaruh atau kesan yang sebahagian sahaja. Dengan itu sesuatu tindakan boleh ditolak terhadap pihak-pihak tertentu sementara dikekalkan terhadap pihak-pihak yang lain.

assault: *serangan*. Suatu jenayah di mana seseorang menyebabkan seorang yang lain memahami bahawa dia hendak menggunakan kekerasan jenayah ke atas orang itu, melalui apa-apa isyarat atau persiapan.

assessment: (i) **Taksiran;** Menentukan suatu kadar atau jumlah, contohnya cukai. (ii) **Penilaian;** suatu tindakan untuk menilai sesuatu seperti kepentingan, saiz, nilai sesuatu harta.

assistance: bantuan. Bermaksud bantuan dengan mengambil apa-apa langkah yang mana seseorang itu mungkin akan ambil, termasuk langkah berhubungan dengan prosiding, dengan mengambil kira pemakaian undang-undang kepada mana-mana keadaan khusus yang telah timbul berhubungan dengannya, sama ada dengan mengambil langkah-langkah tersebut bagi pihaknya (termasuk bantuan melalui wakil) atau dengan membantunya dengan mengambil tindakan bagi pihak dirinya sendiri.

assisted person: orang yang dibantu. Selalunya dirujuk pada seseorang yang mendapat bantuan guaman.

at arm's length: Apabila seseorang bukan, atau tidak lagi berada di bawah pengaruh atau kawalan orang yang lain, dia dikatakan berada "*at arm's length*" dengannya.

attorn: Untuk menyerahkan atau mengamanahkan perniagaan kepada seseorang yang lain.

Attorney General and relator action: Apabila Peguam Negara tidak memberi izin untuk prosiding relator di mahkamah sivil, seseorang warganegara yang mendakwa bahawa kepentingan awam adalah terjejas oleh ancaman pelanggaran undang-undang jenayah, tidak berhak

untuk pergi ke mahkamah sivil untuk remedi sama ada untuk injunksi atau perisytiharan.

Attorney General: Peguam Negara. Pegawai undang-undang yang tertinggi dalam kerajaan. Tanggungjawab beliau termasuk menasihatkan Yang di-Pertuan Agong atau kabinet berhubung dengan persoalan undang-undang serta mewakili kerajaan dalam prosiding undang-undang dan menjalankan beberapa pendakwaan bagi kerajaan. Beliau boleh menangguh prosiding melalui *nolle prosequi* (qv). Izin beliau adalah perlu dalam beberapa kes sebelum pendakwaan. Peguam Negara adalah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri.

attorney, grants to: libat GRANTS TO ATTORNEY.

attorney, power of: wakil, surat kuasa; libat POWER OF ATTORNEY.

attornment: (i) Pengakuan seseorang bahawa dia memegang sesuatu barangan bagi pihak orang yang lain. (ii) Persetujuan seseorang pemilik estet untuk menjadi penyewa kepada orang lain yang telah memperoleh estet "*next in reversion*" atau "*re-remainder*" (satu konsep undang-undang tanah Inggeris).

auction: lelong. Penjualan awam sesuatu harta oleh pelelong kepada penawar yang membuat tawaran tertinggi. Pelelong adalah seorang yang diberi lesen untuk menjalankan jualan lelong. Suatu kontrak wujud akibat perbuatan

seseorang pelelong, di mana sesuatu tawaran (*bid*) diterima dan pelelong mengetuk penukul (atau dalam cara yang lain mengikut adat) dan seseorang penawar boleh menarik balik tawaran sebelum kejadian tersebut. *lihat* MOCK AUCTION.

auctioneer's obligations:

Pelelong memberi waranti bahawa dia tidak tahu kecacatan pada hak milik prinsipalnya; memberi akujanji untuk memberi milikan aman sebagai balasan harga yang diterimanya; memberi akujanji bahawa dia dan prinsipalnya tidak akan mengganggu milikan itu.

auctioneer: pelelong. Seorang ejen berlesen untuk menjual hartanah dan mengendalikan penjualan atau perlelongan.

audi alteram partem: dengar pihak yang lain. Ini adalah prinsip keadilan asasi bahawa tiada orang yang harus dihukum tanpa diberi hak untuk membentangkan kesnya.

audit: audit. Pemeriksaan terperinci ke atas akaun-akaun, biasanya dilakukan oleh seseorang yang digunakhidmat dari luar sesebuah organisasi.

Auditor General: Juruaudit Negara. *lihat* COMPTROLLER.

auditor's report: laporan juru-audit. Laporan yang disediakan oleh juruaudit berhubungan dengan kedudukan kewangan sesebuah syarikat.

auditor's standards: standard juru-audit. Tugas penting juru-audit ialah memastikan tiada kesilapan dilakukan, sama ada

kesilapan pengiraan, atau kesilapan ketinggalan atau peninggalan, atau kepalsuan. Untuk menjalankan tugas ini dengan sempurna, beliau hendaklah menjalankannya dengan sikap menanya – tidak mengesyaki kecurangan tetapi mengesyaki seseorang mungkin telah melakukan kesilapan di tempat tertentu dan suatu pemeriksaan hendaklah dilakukan untuk memastikan tiada kesilapan telah dibuat.

auditor: juru-audit. Seseorang ahli badan akauntan yang diiktiraf yang memeriksa akaun. Sesuatu laporan juru-audit mesti dikepilkan bersama dengan penyata kira-kira sesebuah syarikat. Ia mestilah dibaca dalam mesyuarat agung dan mesti disediakan untuk pemeriksaan mana-mana ahli. Perlantikan dan tanggungjawab juru-audit mestilah mengikut peruntukan perundangan. Tanggungjawab juru-audit adalah untuk menyediakan laporan untuk ahli-ahli syarikat; untuk menjalankan kewajipan berjaga-jaga tanggungjawab-tanggungjawab yang di bawah statut; memberi kawalan yang munasabah.

authenticate: sahkan. Untuk mengesah dan membuat berkesan dengan bukti atau dengan formaliti yang sewajarnya seperti yang diperlukan oleh undang-undang.

authorised capital: modal dibenarkan. Jumlah amaun modal di mana sesuatu syarikat adalah diberi kuasa oleh memorandum persatuan untuk keluar. Dikenali

juga sebagai “modal nominal” atau “modal berdaftar”. *lihat* COMPANY; ISSUED CAPITAL.

authorised securities: sekuriti dibenarkan. Sekuriti-sekuriti di mana pemegang-pemegang amanah boleh melabur di bawah Akta Pemegang Amanah. *lihat* INVESMENT, TRUSTEES' POWERS OF.

authority: nas; autoriti. (i) Keputusan atau pendapat kehakiman yang dinyatakan oleh penulis yang ternama yang digunakan sebagai alasan sesuatu pernyataan undang-undang. (ii) Hak yang diberi oleh seseorang kepada seorang yang lain yang membenarkan pelaksanaan sesuatu perbuatan. (iii) Sesebuah badan yang menjalankan kuasa, contohnya, pihak berkuasa tempatan.

automatism: automatisme; kepantulan. Suatu perbuatan yang dilakukan oleh otot tanpa kawalan, seperti kekejangan, tindakan pantulan, gelugur atau sesuatu perbuatan yang dilakukan tanpa menyedari apa yang dilakukan, seperti suatu perbuatan yang dilakukan semasa mengalami kecederaan otak atau semasa berjalan ketika tertidur. Perbuatan akibat dari keadaan automatisme bukanlah sukarela dan, oleh sebab itu tidak boleh dihukum secara amnya. Jika automatisme ini disebabkan oleh penyakit mental, pembelaannya dikenali sebagai “automatisme hilang akal” dan M'Naghten Rules (qv) adalah terpakai; dalam kes sedemikian beban pembuktian adalah atas tertuduh.

autonomic legislation: perundangan autonomic. Perundangan oleh suatu badan yang mempunyai kuasa bebas untuk membuat peraturan bagi ahli-ahlinya, contohnya Majlis Peguam.

autopsy: autopsi. *lihat* POST-MORTEM.

autre droit, in: atas hak orang yang lain. Seseorang boleh memegang hartanah atas haknya sendiri atau atas hak orang yang lain.

autrefois acquit: telah dibebaskan dahulu. Suatu pembelaan oleh peguam mengenai tertuduh yang pernah dibebaskan dahulu atas kesalahan yang sama. Ujian bagi membuktikan pembelaan ini ialah (i) tertuduh telah pun terdahulunya dibebaskan atas kesalahan yang sama, atau (ii) tertuduh boleh disabitkan pada perbicaraan yang dahulu atas kesalahan yang dia didakwa kemudiannya, atau kedua-dua kesalahan tersebut adalah sama secara substantial. Ia adalah satu isu yang harus diputuskan oleh hakim. *lihat nemo debet bis vexari.*

autrefois convict: telah disabitkan dahulu. Suatu pembelaan peguam bahawa tertuduh pernah dibicarakan dan disabitkan atas kesalahan yang sama. Pertuduhan baru mestilah sama atau secara praktisnya sama, dengan kesalahan yang dipertuduhkan terdahulu.

autrie vie: Hayat orang yang lain. Seseorang penyewa *pur autre vie* adalah seorang penyewa

sepanjang hayat seorang yang lain, contohnya apabila A memberi tanahnya kepada B “sepanjang hayat C”. Penyewaan bersifat ini hanya wujud dalam ekuiti.

available market: pasaran yang sedia ada. Keadaan di mana perniagaan dalam sesuatu kawasan itu membolehkan barangan dijual dengan bebas, dan terdapatnya permintaan mencukupi yang sedia untuk menyerap kesemua barangan, dengan itu jika seseorang pembeli memungkiri, barangan tersebut boleh dengan mudahnya dilupuskan. Jika telah terdapat pasaran yang sedia ada untuk barangan, taksiran ganti rugi untuk kemungkiran kontrak adalah secara *prima facie* perbezaan di antara harga kontrak dan harga pasaran pada tarikh kemungkiran itu.

available on request: sedia ada atas permintaan. Suatu rujukan dalam kontrak bertulis mengenai sesuatu perkara tertakluk kepada “syarat-syarat am yang sedia ada atas permintaan” mencukupi untuk memasukkannya ke dalam kontrak tersebut terma-terma yang terkandung dalam edisi semasa syarat-syarat tersebut.

average clause: fasal purata. Fasal dalam polisi insurans yang menyatakan bahawa jika di waktu kerugian, jumlah yang diinsuranskan adalah kurang daripada jumlah nilai hal perkara insurans tersebut, penyambut insurans haruslah menanggung perbezaan kedua-dua jumlah tersebut.

average salary benefits: faedah gaji purata. Faedah menurut kadar atau jumlah yang dikira dengan merujuk kepada gaji purata seseorang ahli sepanjang tempoh perkhidmatan, atas mana faedah-faedah tersebut diasaskan.

average: purata. Berasal dari *averia* (kerosakan). Diguna dalam kontrak untuk pengangkutan barangan laut bagi merujuk kepada pengumpulan kerugian. “Kerugian purata am” adalah disebabkan oleh suatu perlakuan yang terjadi apabila pengorbanan luar biasa dibuat secara sukarela dan munasabah untuk menyelamatkan harta, contohnya, membuang kargo ke dalam laut untuk meringankan kapal. Kerugian adalah ditanggung secara purata oleh semua pihak yang berkepentingan. “Purata tertentu” wujud apabila harta musnah oleh sesuatu kemalangan yang tidak membawa kepada faedah am, contohnya kehilangan bot sesebuah kapal. Kehilangan sedemikian ditanggung di tempat di mana ia berlaku.

averment: Tuduhan atau pengesahan yang dibuat dalam pliding.

aviation insurance: insurans penerbangan. Sejenis insurans yang melindungi:-

- (i) kerugian bagi atau kerosakan kepada sesebuah kapal terbang;
- (ii) tanggungan pihak ketiga; dan
- (iii) tanggungan penumpang.

avoidance and evasion of tax:

libat TAX AVOIDANCE AND EVASION.

avulsion: avulsi. Pengalihan disebabkan oleh arus air yang tiba-tiba dan ketara, tanah-tanah, dari tanah seseorang dan dilonggok ke atas tanah orang yang lain. Pemunyaan tanah tersebut tidak bertukar, sama secara amnya dalam kes akresi.

award: award. *libat* ARBITRATION.

away-going crop: Tanaman yang disemai dalam tempoh penyewaan yang terakhir, tetapi hanya masak selepas tamatnya tempoh penyewaan tersebut. Penyewa yang akan keluar adalah secara amnya berhak kepada pampasan sama ada melalui terma-terma tersirat kontraknya atau menurut adat negeri yang berkenaan.

• **“B” List: Senarai “B”.** Senarai ahli-ahli yang lalu sesebuah syarikat dalam tempoh 12 bulan selepas perintah penggulungan yang dibuat oleh penyelesaian.

back freight: Tambang muatan yang terdiri daripada perbelanjaan yang dituntut oleh pemilik kapal daripada pemilik kargo di mana nakhoda tidak dapat menghantar-serahkan barangan kepada konsaini.

backed for bail: sokongan jaminan. Waran yang dikeluarkan oleh majistret boleh diendors dengan arahan supaya orang yang dinamakan hendaklah, apabila ditangkap, dilepaskan dengan jaminan atas syarat-syarat yang ditetapkan.

bad debt: hutang lapuk. Suatu hutang yang kelihatan tidak dapat diperolehi kembali.

bad faith: Menggambarkan sifat atau ciri-ciri ketidakjujuran.

bail: bailer = untuk menyerahkan. Pelepasan seseorang yang ditangkap atau tertuduh atas jaminannya sendiri atau atas penerimaan syarat-syarat tertentu olehnya. Seseorang yang ditangkap boleh diberi jaminan dengan tanggungjawab untuk menyerah diri kepada jagaan. Tertuduh mungkin dikehendaki menyediakan seorang penjamin untuk memastikan penyerahan diri kepada jagaan itu dipatuhi. Jaminan tidak akan diberikan jika

mahkamah berpuas hati terdapat alasan yang substansial untuk mempercayai bahawa defendan, jika dilepaskan, akan gagal untuk menyerah diri kepada jagaan, atau akan melakukan suatu kesalahan semasa dijamin atau dia akan mengganggu saksi-saksi.

bail hostel: Premis untuk penginapan orang-orang yang ditahan atas jaminan.

bailable offence: Suatu kesalahan yang mana hakim boleh atau terikat untuk memberi jaminan.

bailiff-errand: Timbalan atau penolong bailif.

bail, continuous: jaminan, lanjutan. Perintah oleh mahkamah majistret, apabila tertuduh berada dalam reman di bawah jaminan sama ada dengan penjamin atau tidak, yang memerintahkan dia hadir pada setiap masa dan tempat yang tertentu pada mana prosiding mungkin akan ditangguhkan dari semasa ke semasa.

bail in criminal proceedings: jaminan dalam prosiding jenayah. Jaminan yang boleh diberi dalam atau berhubungan dengan sesuatu prosiding di mana seseorang dituduh atau disabitkan atas sesuatu kesalahan, atau jaminan yang diberi kepada seseorang yang telah ditangkap untuk sesuatu kesalahan atau

yang telah ditangkap mengikut waran (diendors dengan jaminan) yang dikeluarkan untuk sesuatu kesalahan.

bail with sureties: jaminan dengan penjamin. Perintah jaminan dengan syarat orang yang dijamin itu menyediakan seorang atau beberapa penjamin untuk tujuan memastikan orang yang dijamin tersebut menyerahkan diri kepada penjagaan. Dalam menimbangkan sama ada seseorang penjamin yang dicadangkan adalah sesuai, perwatakan, sumber kewangan dan keakraban beliau dengan tertuduh adalah diambil kira.

bailee: baili. *libat* BAILMENT.

bailee, unconscious: Suatu keadaan di mana defendan mendapat milikan barangan yang dipunyai oleh plaintif melalui kesilapan pihak ketiga, dan defendan mempercayai barangan tersebut adalah milikannya, atau beliau tidak sedar bahawa barangan tersebut bukan milikannya. Dalam keadaan ini defendan bolehlah disifatkan sebagai "baili terkeliru", dan sebelum beliau berurusan dengan barangan tersebut beliau mempunyai kewajipan untuk menggunakan tahap berjaga-jaga yang memadai dalam semua keadaan untuk menentukan barangan itu adalah milikannya.

bailiff: bailif. Pada asalnya, seorang pegawai di sesuatu tanah bangsawan yang bertugas untuk memesan peralatan atau binatang ternakan. Sekarang pegawai itu adalah petugas untuk menyerahkan

kan atau menguatkuasakan writ dan saman.

bailment: bailmen. Penyerahan barangan oleh seseorang (bailor) kepada orang yang lain (baili) agar barangan tersebut boleh digunakan bagi sesuatu tujuan yang ditetapkan, dengan syarat barangan tersebut diserahkan kembali oleh baili atas atau mengikut arahan-arahan yang ditetapkan oleh bailor, atau disimpan sehingga bailor menuntut kembali. Contohnya, penyimpanan barang-barang dalam stor bagasi keretapi, penggadaan barang-barang. Baili berkewajipan untuk memberi jagaan yang munasabah ke atas barang-barang itu dan memulangkannya mengikut terma-terma kontrak bailmen.

bailor: bailor.

balance: baki. Apa yang tertinggal setelah sesuatu telah dikeluarkan dari dana.

balance of probabilities: imbangan kebarangkalian. Suatu konsep dalam undang-undang keterangan mengenai tahap pembuktian di mana jika beban pembuktian undang-undang terletak atas sesuatu pihak dan pihak tersebut dapat membuktikan kesnya mengikut imbangan kebarangkalian, pihak tersebut berhak untuk berjaya dalam kes beliau. Apabila seseorang bercakap tentang mahkamah perlu berpuas hati atas imbangan kebarangkalian ianya bermaksud bahawa tahap kebarangkalian yang lebih tinggi memihak pada keputusan, memandangkan jika kebarang-

kalian adalah sama, mahkamah tidak mungkin telah berpuas hati atas imbangan kebarangkalian.

balance sheet: penyata kira-kira.

Satu pernyataan mengenai aset dan tanggungan sesuatu perniagaan pada sesuatu tarikh yang tertentu. Penyata kira-kira sesebuah syarikat hendaklah menyatakan gambaran sebenar dan adil syarikat tersebut pada akhir tahun kewangan.

ballot: pengundian. Suatu sistem pengundian yang melibatkan undi secara rahsia.

banishment: buang negeri. Pengusiran dari sesebuah daerah atau kawasan atas kuasa parlimen atau penolakan bersumpah.

bank: bank. Institusi kewangan yang terlibat dalam penerimaan deposit wang, pemberian kredit (melalui pinjaman, overdraf dll) dan lain-lain transaksi seperti pendiskaunan bil-bil, urusan niaga dalam pertukaran wang asing dll.

bank, authorised: bank yang di-berikuasa. Institusi yang diiktiraf sebagai memenuhi beberapa kriteria yang tertentu seperti perniagaan yang ditadbir oleh sekurang-kurangnya dua individu; pengarah-pengarah hendaklah orang yang layak dan sesuai; perniagaan hendaklah dijalankan secara berhemat beserta dengan kejujuran dan kemahiran yang bersesuaian; perniagaan memiliki jumlah aset bersih yang minimum dan yang ditetapkan.

bank credit: kredit bank. Jumlah yang diluluskan kepada seseorang atas jaminan yang diberikan bank untuk mengeluarkan wang dari

bank tersebut hingga had tertentu yang telah dipersetujui.

bank note: nota bank. Nota janji hutang yang dikeluarkan oleh sesebuah bank, mengakujajani untuk membayar kepada pembawa ketika dituntut jumlah nota tersebut.

banker: jurubank. Seseorang yang terlibat dalam perniagaan bank. Hubungan antara seorang jurubank dan seorang pelanggan yang membayar wang ke dalam bank adalah seperti hubungan biasa antara penghutang dan pemiutang, dengan tambahan tanggungjawab, yang timbul dari kelaziman jurubank untuk menunaikan draf-draf pelanggan.

banker's books: buku-buku jurubank. Sesalinan catitan dalam buku jurubank boleh diterima sebagai keterangan *prima facie* bagi catitan transaksi tersebut dan akaun yang direkod dalamnya. Istilah "buku jurubank" termasuk lejar-lejar, buku-buku harian, buku-buku tunai, buku-buku akaun dan lain-lain rekod yang digunakan dalam urusan biasa perniagaan bank, sama ada dalam bentuk tulisan atau disimpan dalam mikro filem, pita magnetik atau dalam lain-lain bentuk mekanisme yang membolehkan perolehan kembali (*retrieval*).
lihat BANKER'S DUTY OF SECRECY; EVIDENCE.

banker's customer: pelanggan jurubank. Istilah ini menunjukkan suatu perhubungan di mana tempoh bukanlah intipatinya. Seseorang yang wangnya telah diterima oleh sesuatu bank atas

kefahaman yang bank tersebut berakujanji untuk menunaikan cek-cek setakat jumlah dalam kreditnya adalah seseorang pelanggan kepada bank, tidak kira sama ada perhubungannya adalah masih baru ataupun lama.

banker's customer's duty of care: kewajipan berjaga-jaga pelanggan jurubank. Seseorang pelanggan bank tidak mempunyai kewajipan berjaga-jaga yang lebih luas kepada bank di dalam operasi akaun semasa selain daripada kewajipan menahan diri daripada mengeluarkan cek-cek dalam cara yang memudahkan fraud atau pemalsuan, dan juga kewajipan untuk memberitahu bank akan pemalsuan sesuatu cek dari akaunnya sebaik sahaja ia mengetahui perkara tersebut. Dia tidak berkewajipan untuk memeriksa penyata-penyata bank untuk item-item debit yang tidak diberikuasa.

banker's draft: draf jurubank.
lihat DRAFT.

banker's duty of secrecy: kewajipan rahsia jurubank. Sesebuah bank mempunyai tanggungjawab undang-undang untuk merahsiakan hal-ehwal pelanggannya. Pendedahan boleh dilakukan melalui proses undang-undang, contohnya, atas permohonan mana-mana pihak yang terlibat dalam prosiding undang-undang; penyampaian suatu *supoena duces tecum*; bila kepentingan bank memerlukan pendedahan. Pelanggan boleh memberi izin secara nyata atau

tersirat bagi pendedahan itu. *lihat* BANKER'S BOOKS.

banking instrument: instrumen perbankan. Sebarang dokumen yang dikeluarkan oleh penjawat awam yang bertujuan untuk membolehkan seseorang mendapat bayaran dari Jabatan Kerajaan untuk jumlah yang disebut dalam dokumen tersebut; sebarang bil pertukaran (*bill of exchange*) atau nota janji hutang, kiriman wang pos, kiriman wang, pemindahan kredit, arahan kredit atau debit.

bankrupt: muflis; bankrap. Seorang individu yang telah dihakimi sebagai bankrap dan jika berkaitan dengan perintah kebangkrapan, ia bermaksud seseorang itu dijadikan bankrap oleh perintah itu. Satu prosiding di mahkamah di mana pada asasnya harta benda seorang yang tidak solven ditadbir dan dibahagikan mengikut arahan mahkamah dan peraturan-peraturan tertentu bagi manfaat pemiutangnya.

bankrupt, creditor in relation to: bankrap, pemiutang yang berkaitan. Seseorang pemiutang hutang kebangkrapan dan, berkaitan dengan seseorang yang petisyen kebangkrapan telah dikeluarkan kepadanya, seseorang yang akan dijadikan pemiutang jika perintah kebangkrapan dibuat atas petisyen tersebut.

bankrupt, Official Receiver and, si bankrap, Pegawai Penerima dan. Apabila perintah kebangkrapan telah dibuat, si bankrap adalah bertanggungjawab untuk menyerahkan milikan estetya

dan segala buku dan kertas yang relevan kepada Pegawai Penerima. Sebarang kegagalan untuk melakukannya merupakan penghinaan mahkamah.

bankrupt, public examination of: si bankrap, pemeriksaan awam. Sesudah sesuatu perintah kebangkrutan dibuat, Pegawai Penerima boleh memohon kepada mahkamah untuk satu pemeriksaan awam berhubung dengan hal-ehwal, urusan, harta benda dan sebab-sebab kegagalan seseorang bankrap. Antara orang yang boleh mengambil bahagian dalam pemeriksaan awam tersebut ialah Pegawai Penerima, Pemegang Amanah, Pengurus Khas kepada estet si bankrap dan pemiutang-pemiutang yang telah mengemukakan bukti kebangkrutan itu.

bankrupt's estate: harta si bankrap. Terdiri dari semua harta benda milik si bankrap atau yang terletak hak kepadanya semasa permulaan prosiding kebangkrutan. Ia tidak termasuk: peralatan, buku-buku, kenderaan dan lain-lain peralatan peribadi yang perlu digunakan secara peribadi oleh beliau semasa bertugas, berniaga atau bekerja; pakaian, peralatan untuk tidur, perabut, peralatan rumah yang perlu untuk keperluan domestik keluarga beliau; harta yang dipegang oleh si bankrap sebagai amanah bagi orang lain. Sebarang pelupusan harta yang dibuat oleh si bankrap dalam jangka masa sejak pengumuman petisyen adalah terbatal, kecuali jika ia dibuat

dengan izin mahkamah atau apabila ia telah diratifikasikan.

bankrupt's property, seizure of: harta benda si bankrap, penyitaan. Mahkamah atas permohonan Pegawai Penerima atau Pemegang Amanah pada bila-bila masa setelah perintah kebangkrutan dibuat, boleh mengeluarkan waran untuk menyita harta benda orang bankrap yang terkandung dalam estet si bankrap dan untuk menggeledah dan menyita sebarang harta atau dokumen.

bankruptcy: kemuffisan; kebangkrutan. Satu proses undang-undang berkaitan dengan insolvensi.

bankruptcy debt: hutang kebangkrutan. Termasuk mana-mana hutang atau tanggungan yang ditanggung oleh si bankrap pada masa kebangkrutan, sebarang hutang atau tanggungan yang ia mungkin tanggung selepas bermulanya kebangkrutan disebabkan oleh apa-apa obligasi yang telah ditanggung sebelum bermulanya kebangkrutan, sebarang jumlah yang ditetapkan dalam kebangkrutan jenayah yang dibuat terhadapnya.

bankruptcy, discharge from: kebangkrutan, pelepasan dari. Melepaskan si bankrap dari semua hutang kebangkrutan. Seseorang yang bankrap dilepaskan secara automatik selepas tiga tahun dari permulaan kebangkrutan (dua tahun dalam kes prosedur pentadbiran ringkas). Jika seseorang telah dihakimi sebagai bankrap dan adalah bankrap yang tidak dilepaskan pada bila-

bila masa dalam tempoh 15 tahun berakhir pada permulaan kebangkrupan, beliau hendaklah memohon untuk pelepasan melalui perintah mahkamah.

***bankruptcy, priority of debts in distribution:* kemuflian, keutamaan dalam pembahagian hutang.** Hutang-hutang yang diberi keutamaan adalah dibayar dahulu dan diutamakan dari hutang-hutang yang lain; kesemuanya dikira setaraf di antara mereka setelah perbelanjaan kebangkrupan dibayar sepenuhnya, dikurangkan (*abated*) mengikut kadar yang saksama jika estet si bankrap tidak cukup untuk membayar hutang-hutang tersebut. Hutang-hutang yang bukan keutamaan atau bukan hutang kepada suami atau isteri si bankrap adalah sama taraf di antara mereka dan dibayar selepas pembayaran penuh hutang-hutang keutamaan atau dikurangkan dalam kadar yang saksama jika estet si bankrap itu tidak cukup. *lihat* INSOLVENCY, PREFERENTIAL DEBTS IN.

***bankruptcy, statement of affairs in relation to:* kebangkrupan, penyata hal-ehwal berkaitan dengan.** Dalam kes perintah kebangkrupan dibuat selain dari petisyen si penghutang, si bankrap mestilah menyerahkan kepada pegawai penerima, dalam masa 21 hari dari tarikh perintah tersebut, butir-butir berkenaan pemiutang-pemiutang, hutang-hutang, harta-harta, lain-lain tanggungan dan lain-lain maklumat yang telah ditetapkan. Adalah

menghina mahkamah jika si bankrap gagal menyediakan penyata tersebut.

***bankruptcy, trustee in:* kebangkrupan, pemegang amanah, di dalam.** Adalah dilantik oleh mesyuarat umum pemiutang-pemiutang si bankrap, atau oleh mahkamah. Estet si bankrap terletak hak pada pemegang amanah tersebut sebaik sahaja perlantikannya berkuatkuasa. Mana-mana harta yang diperolehi oleh si bankrap selepas tarikh perintah kebangkrupan boleh terletak hak pada pemegang amanah.

***bankruptcy offences:* kesalahan-kesalahan kebangkrupan.** Seseorang yang didapati bersalah untuk mana-mana kesalahan yang berikut, yang terpakai apabila mahkamah telah membuat perintah kebangkrupan atas sesuatu petisyen kebangkrupan, boleh dipenjarakan atau didenda atau dihukum kedua-duanya sekali. Kegagalan menzahirkan semua harta benda si bankrap; penyembunyian sebarang harta, atau hutang atau buku-buku dan kertas-kertas; pernyataan-pernyataan palsu; pelupusan harta benda secara fraud; melarikan diri; melakukan urusanniaga secara fraud terhadap harta yang diperolehi secara kredit; memperolehi kredit atau menyertai perniagaan; gagal menyimpan akaun-akaun yang sesuai; berjudi atau spekulasi yang berbahaya dan gopoh.

***bankruptcy order:* perintah kebangkrupan.** Satu perintah

penghakiman yang mengakibatkan seseorang menjadi bankrap.

bankruptcy order, annulment of: perintah kebangkrapan, pemansuhan. Mahkamah boleh membatalkan sesuatu perintah jika ia mendapati perintah tersebut tidak sepatutnya dibuat, atau setakat yang diperlukan oleh kaedah-kaedah, perbelanjaan kebangkrapan telah pun dibayar. Perintah tersebut boleh dibatalkan tidak kira si bankrap telah dilepaskan atau tidak.

bankruptcy petition: petisyen kebangkrapan. Satu permohonan untuk perintah kebangkrapan dikeluarkan terhadap seseorang individu. Ia boleh dibentangkan di mahkamah oleh individu itu sendiri atau pemiutang. *lihat* CREDITOR'S PETITION; DEBTOR'S PETITION.

banns: Perisytiharan dalam gereja dalam bentuk notis awam mengenai satu cadangan perkahwinan. Banns hendaklah disiarkan di situ selama 3 hari Ahad sebelum perkahwinan.

bar: (i) Satu halangan, seperti halangan-halangan kepada perceraian. (ii) Satu tempat di dalam mahkamah di mana tahanan diletakkan, atau di mana peguam berucap bagi pelanggan mereka. (iii) Badan Peguam (Bar) adalah badan profesional bagi peguam. (iv) Profesion peguam.

bar council: majlis peguam. Ditubuhkan bertujuan menguruskan hal-ehwal profesion kepeguaman, membuat peraturan berhubung dengan amalan

profesional, perilaku dan disiplin para peguam.

bar of the house: Tempat di mana saksi-saksi di hadapan Parlimen diperiksa, dan kepada mana orang-orang yang bersalah kerana pelanggaran keistimewaan dibawa untuk menerima penghakiman.

bar, pleas in, Bar: Apabila pertuduhan telah dibaca kepada defendan, beliau boleh membuat pli dengan menyatakan sebab-sebab mengapa dia tidak wajar dibicarakan, dan sepatutnya diadakan segera satu siasatan ke atas sebab-sebab yang dinyatakan tersebut; misalnya *autrefois acquit* (qv); *autrefois convict* (qv).

bare licensee: pemegang lesen mudah. Seseorang yang diizinkan untuk memasuki sesuatu tempat untuk urusan sendiri. Dalam hal ini dia tidak dikira penceroboh. Misalnya, X memberi izin percuma kepada Y untuk menyeberangi ladang X. Dikenali juga sebagai "*mere licensee*" (tidak lebih dari pemegang lesen). *lihat* LICENCE.

bare site value: nilai tapak mudah. Harga yang perlu dibayar sebagai pampasan untuk pembelian wajib bagi, misalnya, rumah yang tidak wajar untuk dihuni, ialah nilai tapak yang bangunan atasnya telah diruntuhkan dan yang sedia untuk dibangunkan.

bare trust: amanah mudah. Satu amanah yang cuma memerlukan pemegang amanah bertindak sebagai penyimpan harta

KAMUS UNDANG-UNDANG

Kamus Undang-Undang ini adalah bertujuan untuk memudahkan para pelajar undang-undang, pengamal-pengamal undang-undang, jabatan-jabatan guaman dan bagi mereka yang berminat untuk memahami dan mendalami akan istilah-istilah undang-undang yang terdapat di dalam sistem perundangan Malaysia.

Kamus ini juga mampu memainkan peranan penting dalam membantu golongan-golongan yang terlibat secara langsung di dalam bidang undang-undang di Malaysia. Dengan kata lain, mereka dapat meningkatkan mutu kefahaman dan menguasai istilah-istilah undang-undang yang diguna pakai di Malaysia dengan mantap dan berkesan. Keistimewaan kamus ini direka bentuk dengan penyusunan abjad yang teratur, penggunaan istilah-istilah undang-undang dihuraikan dengan makna yang jelas, dan menggunakan bahasa yang mudah difahami oleh pengguna.

Semoga kamus ini akan menjadi sumber rujukan penting dan manfaat bagi mereka yang terlibat khususnya di dalam bidang undang-undang dan juga kepada golongan pembaca yang berminat untuk mempelajari istilah-istilah undang-undang di masa akan datang.



International Law Book Services
PETALING JAYA
MALAYSIA

ISBN 978-967-89-1858-9



9 789678 918589